

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**SOALAN :**

**YB Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan klinik TCM (Traditional and Complementary Medicine) yang dibangunkan oleh Kementerian dalam memberi rawatan alternatif kepada pesakit dan adakah ianya akan diteruskan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Semenjak kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada tahun 2007 untuk menubuhkan unit Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) di fasiliti kesihatan kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pendekatan yang proaktif dalam memperkenalkan dan mengintegrasikan PT&K ke dalam sistem kesihatan kebangsaan serta memastikan perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkesan dapat disediakan untuk manfaat rakyat Malaysia.

Sehingga tahun 2015, sebanyak 15 unit PT&K telah ditubuhkan di hospital kerajaan. Antara perkhidmatan PT&K yang ditawarkan pada ketika ini adalah rawatanurut Melayu / tradisional dan rawatan akupunktur bagi pesakit yang mengalami kesakitan kronik dan pesakit pasca angin ahmar, rawatan herba untuk mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser, rawatan selepas bersalin dan rawatan Shirodhara bagi membantu pesakit yang mengalami kemurungan, kesukaran tidur (insomnia), kerisauan (anxiety) dan meredakan tekanan (stress). Untuk makluman Ahli Dewan semua, konsep PT&K yang diamalkan di Malaysia adalah sebagai pelengkap atau rawatan komplementari kepada perubatan moden dan bukan sebagai rawatan alternatif.

Berdasarkan statistik yang dikumpul oleh Kementerian ini, didapati bilangan kes rawatan PT&K yang diterima oleh unit PT&K kian meningkat setiap tahun. Ini menunjukkan peningkatan dari segi tahap penerimaan pesakit dan profesyen perubatan moden terhadap rawatan PT&K. Pada masa yang sama, Kementerian ini juga menjalankan kajian kepuasan pelanggan ke atas perkhidmatan yang disediakan di unit PT&K dan hasil kajian tersebut adalah memuaskan. Selain itu, pelbagai kajian berkenaan PT&K juga sedang dijalankan, ini termasuk penilaian PT&K dalam meningkatkan kualiti hidup pesakit.

**Tuan Yang Dipertua,**

Adalah merupakan visi Kementerian ini untuk mengintegrasikan PT&K secara optima ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bagi mencapai pendekatan holistik dalam meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup. Kementerian sentiasa berusaha untuk mengenalpasti fasiliti

kesihatan kerajaan yang bersesuaian untuk menubuhkan unit PT&K serta memperkenalkan perkhidmatan PT&K yang mempunyai bukti keberkesanan di fasiliti kesihatan kerajaan.

Kementerian ini telah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan Kerajaan India dalam bidang perubatan tradisional India pada tahun 2010 dan dengan Kerajaan China dalam bidang perubatan tradisional Cina pada tahun 2011. Sejak tahun 2011, Kementerian ini telah membawa masuk pakar perubatan tradisional India untuk menyediakan perkhidmatan Shirodhara di unit PT&K melalui program *Indian Technical and Economic Cooperation* (ITEC) dengan Kerajaan India. Selain itu, Kementerian ini akan membawa masuk pakar perubatan tradisional Cina untuk berkhidmat di unit PT&K pada tahun 2015 melalui MOU dengan Kerajaan China. Kolaborasi ini bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan PT&K yang disediakan.

Pihak Kementerian juga dalam perancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan primer. Untuk makluman Ahli Dewan semua, projek perintis dalam memperkenalkan perkhidmatan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan primer telahpun dijalankan di Klinik Kesihatan Masai, Johor di mana projek ini mendapat sambutan dan maklum balas yang bagus dan menggalakkan daripada pesakit. Susulan itu, perkhidmatan PT&K juga diperkenalkan di Klinik Kesihatan Meranti, Kelantan pada Disember 2014. Pada ketika ini, perkhidmatan akupunktur dan rawatan selepas bersalin disediakan di Klinik Kesihatan Masai, manakala untuk Klinik Kesihatan Meranti rawatan selepas bersalin disediakan.